

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP
[SEKIJANG]**

TARIKH : 23 MAC 2015

RUJUKAN : 7542

SOALAN:

Tuan Anuar bin Abd. Manap (Sekijang) minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:

- (a) Apakah keperluan dan kepentingan menghantar surat kepada FBI untuk seseorang tahanan atas tuduhan perjudian tidak sah di Amerika; dan
- (b) Apakah menteri akan mengeluarkan surat terhadap semua rakyat Malaysia yang ditahan di luar negara untuk keadilan kepada rakyat Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa bekerjasama dengan pihak keselamatan antarabangsa (jika perlu) bagi membanteras jenayah dalam menjamin keselamatan semua pihak. KDN telah menghantar surat kepada FBI tersebut atas permintaan firma guaman yang mewakili Paul Phua untuk memberi kerjasama seperti yang diminta.**

- b) Kerajaan bekerjasama dengan pihak keselamatan antarabangsa sekiranya maklumat tersebut boleh membantu membanteras jenayah selagi ia tidak menjejaskan keselamatan negara.**

NO. SOALAN: 61

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L
KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 23 MAC 2015

RUJUKAN : 7543

SOALAN:

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada tindakan undang-undang di bawah Akta Hasutan 1948, akan diambil terhadap Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri Bin Yaakub berkenaan kenyataan beliau bahawa pengguna Melayu harus memboikot barangan yang dijual oleh peniaga Cina, dan sekiranya tidak, nyatakan alasan-alasannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memandang serius berhubung tindakan yang dilakukan oleh mana-mana individu, kumpulan atau pertubuhan yang bertindak mengeluarkan kenyataan berbaur hasutan yang boleh menjejaskan perpaduan kaum dan keharmonian yang dikecapi selama ini. Sehingga 26 Februari 2015, pihak polis telah menerima sebanyak 32 laporan polis berhubung kenyataan yang dibuat oleh YB Datuk Seri Ismail Sabri bin Yaakub, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani bahawa pengguna Melayu harus memboikot barangan yang dijual oleh peniaga Cina.

Pihak polis telah menjalankan siasatan berkait Repot THSL 4237/2015 pada 03 Februari 2015. Buat masa ini, semua percakapan telah diambil dan siasatan masih lagi dijalankan. Walau bagaimanapun, saya tidak bercadang untuk mendedahkan perkara ini secara terperinci berhubung perkara tersebut kerana dikhuatiri akan mengganggu siasatan yang dijalankan oleh pihak polis.